


Headline	Pulihara pokok 130 tahun		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	21 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	701 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL MAZWANA HAMDAN	AdValue	RM 4,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,730



# Pulihara pokok 130 tahun

MPT komited kekalkan ikon bandar warisan Taiping

NURUL MAZWANA HAMDAN

Taman Tasik Taiping begitu indah dikelilingi pokok hujan-hujan atau nama saintifiknya *samanea saman* yang kelihatan seolah-olah tunduk mencium tasik.

Bukan sahaja pengunjung tempatan, malah pelancong luar sering menjadikan kawasan rekreasi Taman Tasik Taiping sebagai destinasi pelancongan yang wajib dilawati.

Ia adalah ikon utama bandar warisan Taiping dan usaha pemeliharaan pokok ini agar sentiasa sihat tidak pernah diabaikan pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT).

Yang Dipertua, Datuk Abd Rahim berkata, MPT komited melaksanakan usaha pemeliharaan dan konservasi pokok hujan-hujan terutama di kawasan Taman Tasik Taiping yang berusia lebih 130 tahun.

"Bayangkan pokok-pokok ini masih berdiri kukuh dan cantik menghiasi kawasan Taman Tasik Taiping sekali gus memberikan rasa nyaman kepada setiap pengunjung yang datang."

"MPT berperanan menjaga dan menyelenggarakan pokok ini agar sentiasa sihat dan terus berdiri megah menjadi ikon Taiping bandar warisan," katanya pada sidang media program pemeliharaan dan konservasi pokok hujan-hujan, semalam.

Abd Rahim berkata, usaha penyelenggaraan pokok hujan-hujan sememangnya telah lama dilaksanakan pihak MPT secara berjadual.

"Pokok-pokok ini dijaga rapi dan diberikan perhatian penuh memandangkan ia mempunyai nilai khazanah yang tiada tolak bandingnya," katanya.

Tambah Abd Rahim, walaupun sebelum ini ada pokok yang tumbang, ia tidak dibiarakan sebaliknya MPT berusaha keras memulihkan semula pokok berkenaan dan sehingga kini ia masih mampu berdiri gagah sama seperti pokok lain.

"Setiap tahun, MPT mendapat peruntukan RM50,000 daripada kerajaan negeri khusus untuk pemeliharaan dan konservasi pokok hujan-hujan.

"Sebelum ini, pokok-pokok berkenaan dipenuhi tumbuhan tumpang (parasit) menyebabkan ia berat dan selalu patah.

"Oleh itu, ketika ini kita (MPT) sering melakukan pembersihan pada pokok secara berjadual agar ia tidak lagi menanggung berat terutama ketika hujan," katanya.

## 40 pokok diperiksa

Tahun ini katanya, MPT telah menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan sebuah syarikat swasta bagi memastikan pokok hujan-hujan ini tidak pupus.

"Pasukan berkenaan bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan meneliti aspek kesihatan 40 pokok yang ada sekitar Taman Tasik Taiping.

"Pemeriksaan tersebut akan dijalankan selama lapan hari dan secara puratanya setiap pokok mengambil masa satu jam 15 minit untuk diperiksa menggunakan alat dikenali sebagai Picus Sonic Tomograph," katanya.

Jelasnya, melalui kaedah ini ia mampu mengesan dan menganalisis pereputan dalaman pada batang pokok.

"Ia juga mampu menyediakan maklumat dan data bagi tujuan penyelidikan dalam usaha

menentukan kekuatan pada struktur pokok.

"Selepas itu, kita dapat membuat keputusan yang tepat berkenaan tahap bahaya pokok serta tindakan susulan boleh diambil bagi memastikan pokok terpelihara," katanya.

Tambah Abd Rahim, daripada 40 pokok yang akan menjalani pemeriksaan, 38 daripadanya adalah pokok hujan-hujan manakala selebihnya melibatkan pokok brazillian night dan angsana.

"Jumlah pokok hujan-hujan dan pokok besar di sekitar Taiping keseluruhannya berjumlah 250 batang daripada statistik inventori pokok yang dijalankan pada 2011," katanya.

## Tiada masalah dikesan

Sementara itu, Pembantu Taman FRIM, Mohd Zulfadli Mat Yasin berkata, sehingga semalam, tujuh pokok telah diperiksa.

"Kita dapatkan semua pokok yang telah menjalani pemeriksaan ini berada dalam keadaan sihat dan tidak mempunyai masalah," katanya.

Tambah Mohd Zulfadli, pemeriksaan dijalankan kali ini melibatkan pokok besar yang ada di sekitar Taman Tasik Taiping.

"Contohnya seperti pokok yang sedang kita lakukan pemeriksaan ini mempunyai ukur lilit 540 sentimeter dan berusia lebih 130 tahun."

"Pada tahun 2011, kita pernah melakukan pemeriksaan sama di kawasan Taman Tasik Taiping namun hanya melibatkan sebatang pokok dan sehingga hari ini ia masih sihat," katanya.

Jelas Mohd Zulfadli, pemeriksaan seumpama ini penting bagi memastikan setiap pokok yang ada dalam keadaan

Headline	Pulihara pokok 130 tahun		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	21 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	701 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL MAZWANA HAMDAN	AdValue	RM 4,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,730

baik serta sihat.

"Dari segi luaran mungkin nampak baik, namun jika tidak diperiksa kita tidak tahu sekiranya berlaku masalah pereputan dalaman pada batang.

"Apabila pemeriksaan dijalankan, kita akan dapat mengenal pasti masalah sebenar pokok dan tindakan susulan dapat dilaksanakan," katanya.

### Tutup Jalan Pekeliling

Abd Rahim menambah, usaha memelihara dan konservasi pokok hujan-hujan tidak hanya tertumpu

kepada proses penyelenggaraan serta pemeriksaan semata-mata.

"Jalan Pekeliling yang menjadi kawasan utama pokok hujan-hujan di Taman Tasik Taiping akan ditutup kepada kenderaan dijangka hujung tahun ini. Ia usaha MPT agar bebanan kenderaan yang melalui kawasan itu tidak merosakkan pokok," katanya.

Katanya, apabila jalan ini ditutup kelak, ia hanya boleh

digunakan pejalan kaki dan pengguna basikal sahaja.

"Jalan alternatif iaitu Jalan Samanea Saman berhadapan Hotel Fleminggo telah siap dibina," katanya.

● RM50,000  
diperuntukkan  
tiap tahun untuk  
konservasi pokok

INFO



Abd Rahim melihat proses periksaan kesihatan pokok hujan-hujan di Taman Tasik Taiping yang dikendalikan pihak FRIM.

Headline	Pulihara pokok 130 tahun		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	21 Jul 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	701 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL MAZWANA HAMDAN	AdValue	RM 4,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,730



Proses penyelenggaraan dan membersihkan pokok hujan-hujan dilaksanakan secara berkala.



Pihak FRIM memberi penerangan kepada Abd Rahim.



Pokok hujan-hujan menjadi ikon bandar warisan Taiping.